



KOLOKSIUM BAHASA DAN SASTERA PELBAGAI KAUM 2010

**Pemugaran dan Pelestarian Budaya Etnik Sarawak Dalam
Memaknakan Gagasan 1 Malaysia**

Oleh

Dr. Jeniri Amir

Tarikh

10 Disember 2010 (Jumaat)

Tempat

**Balai Budaya
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak**

Anjuran

Dewan Bahasa dan Pustaka

Pemugaran dan Pelestarian Budaya Etnik Sarawak Dalam Memaknakan Gagasan 1Malaysia

Oleh
Jeniri Amir

One cannot begin to appreciate one's culture until one has basis for comparison.

– Colleen O'Connors

The most humiliating kind of defeat is a cultural defeat.- Jean Francois Revel

Budaya bangsa bersemadi di dalam jiwa dan roh rakyatnya. – Mohandas K. Ghandi

1. Pendahuluan

Satu Malaysia dikemukakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sesudah beliau menerajui kepemimpinan negara pada 3 April 2009. Baru-baru ini Jabatan Penerangan Malaysia menjalankan kajian tentang sambutan dan pemahaman rakyat Malaysia tentang gagasan itu. Didapati bahawa daripada 15,350 responden, sebanyak 84 peratus faham akan maksud gagasan itu, manakala 75 peratus lagi menerimanya (*Berita Harian*, 4 Disember 2010). Gagasan itu dikemukakan di sebalik kegagalan Barisan Nasional (BN) menguasai majoriti dua pertiga kerusi di Dewan Rakyat selepas mengalami kekalahan paling teruk dalam sejarah pilihan raya 8 Mac 2008. Dalam pilihan raya ke-12 itu, BN hanya menguasai 140 daripada 222 kerusi Parlimen, manakala Pakatan Alternatif – yang kemudiannya menggelarkan dirinya sebagai Pakatan Rakyat – menguasai 82 kerusi. BN juga tewas di lima buah negeri apabila hanya menguasai 307 kerusi berbanding PAS (83), DAP (71), PKR (42) dan Bebas (2). Kekalahan dalam pilihan raya itu kemudiannya dikenali sebagai tsunami politik yang mengejutkan BN ketika ia semakin diragui pengundi dan rakyat pelbagai kaum.

Menjelang dan sesudah pilihan raya itu, timbul rasa kurang puas hati kaum Cina dan India di Semenanjung terhadap BN, malah kekalahan parti yang telah memerintah lebih 50 tahun itu turut berpunca daripada undi protes dalam kalangan masyarakat India. Hindraf dan Bersih telah melancarkan demonstrasi sebagai menyerlahkan kekecewaan dan rasa tidak puas hati terhadap BN. Menjelang pilihan raya umum itu, Hindraf menggerakkan sentimen tentangan dalam kalangan masyarakat India, manakala masyarakat Cina mahu memberi pengajaran kepada BN. Hakisan sokongan mereka menyebabkan BN kalah di kerusi yang sebelum itu menjadi kubu kuat mereka. Bersih turut menganjurkan perhimpunan yang dikenali sebagai gelombang kuning.

Jika tidak kerana kemenangan besar di Sabah dan Sarawak, sudah pasti BN juga mengalami nasib sama seperti nasib yang menimpa parti yang sudah lama berkuasa di Taiwan, India, Indonesia dan Jepun. Kemenangan 24 daripada 25 kerusi di Sabah dan penguasaan 30 daripada 31 kerusi di Sarawak menyaksikan kedua-dua negeri itu kemudiannya dianggap sebagai simpanan tetap oleh pemimpin BN pusat. Prestasi buruk BN dalam pilihan raya 2008 sesudah meraih kemenangan besar dalam PRU11 pada tahun 2004 mengakibatkan terdapat perubahan dari segi landskap politik di negara ini, lebih-lebih lagi Najib perlu meyakinkan rakyat terhadap keikhlasan BN untuk membetulkan kesilapannya. Pelbagai isu sensitif membabitkan isu kaum dan agama semakin hangat diperkatakan dan dibahaskan, yang banyak diwacanakan melalui media alternatif, termasuk portal berita, blog dan Facebook sehingga menimbulkan persepsi seolah-olah keadaan sudah tidak terkawal dan hubungan kaum semakin memburuk di negara ini. Walhal, berbanding dengan negara lain, keadaan kestabilan sosiopolitik di negara kita adalah relatif baik. Global Peace Index (2010) meletakkan Malaysia di tangga ke-22 dari segi kedamaian, manakala Indeks Konflik Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2009) memperlihatkan dalam 1,000 penduduk hanya 3 peratus kejadian membabitkan pertelingkahan atau pergaduhan yang melibatkan fizikal berdarah antara etnik berlaku di negara ini.

Di sebalik perkembangan politik demikianlah gagasan 1Malaysia dikemukakan dengan agenda utama untuk melanjutkan survival BN berpaksikan perpaduan kaum dan integrasi nasional. Sokongan rakyat pelbagai kaum, terutama daripada masyarakat Cina dan India di Semenanjung, dan sokongan kuat pengundi dan rakyat di Sabah dan Sarawak diperlukan bagi memastikan bukan sahaja BN terus berkuasa, tetapi memastikan kerajaan dapat melaksanakan segala dasar dan transformasi yang cuba diperkenalkan. Untuk itu, Perdana Menteri telah menubuhkan *think-tank - Performance Management on Delivery Unit (Pemandu)* bagi melaksanakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP), dua teras utama Model Baru Ekonomi.

Ketika menyampaikan ucapnama pada Perhimpunan Agung Persidangan Antarabangsa Parti-parti Politik Asia (ICAPP) Keenam di Kemboja 2 Disember lalu, Perdana Menteri mengatakan bahawa PRU13 ialah ujian sebenar kepada kredibiliti Barisan Nasional (BN) walaupun terdapat tanda awal bahawa rakyat semakin yakin dengan parti itu selepas kerajaan dilihat komited menunaikan janji-janjinya dalam

demokrasi kepentingan bersama (A.Aziz Deraman 2005). Bagi Najib pula “1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.” Di bawah gagasan ini, kerajaan akan mengutamakan rakyat pelbagai kaum di seluruh negara; dengan tidak ada mana-mana kaum pun patut merasakan diri mereka terpinggir daripada wacana nasional.

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan bagaimana budaya etnik di Sarawak dapat mengisi dan memaknakan gagasan 1Malaysia. Pemugaran dan pelestarian budaya etnik di Sarawak akan dibincangkan dalam konteks bagaimana budaya etnik berkenaan dapat menyumbang ke arah pencapaian gagasan 1Malaysia. Seterusnya, kertas kerja ini akan mengemukakan beberapa cadangan atau langkah untuk memugar dan melestarikan budaya etnik Sarawak dalam mengisi dan memaknakan 1Malaysia.

Satu Malaysia sebagai penerusan agenda membina negara meletakkan perpaduan sebagai prasyarat dalam usaha mencapai status sebagai negara maju. 1Malaysia bertujuan untuk menyemarakkan semula semangat perpaduan dan persaudaraan bukan sahaja dalam kalangan rakyat pelbagai kaum, tetapi juga dalam kalangan rakyat pelbagai negeri, terutama di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Laut China Selatan dan kepelbagaian etnik, budaya dan agama tidak seharusnya menjadi tembok pemisah. Konsep 1Malaysia menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum; iaitu sesuatu kaum menerima keunikan kaum lain seadanya agar kita dapat hidup bersama dalam keadaan aman, damai dan harmoni. Inilah yang dimaksudkan dengan kesatuan dalam kepelbagaian. Bagi memungkinkan wujudnya keadaan sedemikian, bukan sahaja perlunya masyarakat pelbagai etnik saling menghormati dan bertolak ansur, tetapi juga saling memahami budaya masing-masing. Jadi, kemajmukan atau pluraliti sepatutnya diterima sebagai satu realiti. Kemajmukan tersebut tidak harus menjadi penghalang perpaduan dan kemajuan; sebaliknya perlu dianggap sebagai keunikan dan sumber kekuatan bagi melonjakkan negara ini ke hadapan sebagai negara maju.

Dalam hubungan ini, peranan budaya dapat dilihat sekurang-kurangnya dari dua perspektif. Pertama, budaya dapat membina imej negara ke arah mewujudkan keperibadian serta identiti. Kedua, budaya dapat memupuk kesedaran kebangsaan dan kenegaraan bercirikan kerohanian, kemanusiaan, spiritual dan mental (Shamsul Amri Baharuddin, 2009). Budaya etnik pula dapat memberikan jati diri kepada sesuatu kumpulan etnik. Selaras dengan maksud kebudayaan kebangsaan yang mengutamakan

anyaman dan sebagainya. Keempat, nilai dan norma. Ini termasuk empat nilai murni iaitu hormat-menghormati, rendah diri, kesederhanaan dan berbudi bahasa, selain lapan nilai aspirasi yang diterapkan dalam gagasan 1Malaysia. Nilai menentukan apa-apa yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang, termasuk apa yang baik dan buruk, betul dan salah, penting dan tidak penting dan sebagainya. Norma pula merupakan peraturan kelakuan yang mengawal cara anggota masyarakat bertindak. Ternyata, budaya pada amnya dapat dikategorikan ke dalam dua golongan, iaitu budaya benda dan budaya bukan benda.

Selaras dengan kehadiran plurariti dari segi komposisi masyarakat di negara ini, maka masyarakat kita juga dikenali dengan pluralisme bahasa dan budaya. Pluralisme tersebut adalah sebagai kesan daripada sejarah. Pluralisme merupakan satu realiti hidup yang perlu kita terima dan kepelbagaian tersebut tidak seharusnya menjadi masalah dalam usaha kita mencapai perpaduan dan kemajuan. Namun, masalah pasti akan timbul jika terdapat pihak tertentu menjadikannya sebagai agenda politik sempit. Setakat ini, rakyat Malaysia telah menerima kebudayaan kebangsaan dan bahasa kebangsaan sebagai antara tonggak perpaduan rakyat, manakala budaya etnik masing-masing pula dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, sejauh manakah rakyat pelbagai kaum di negara ini sedar dan saling memahami budaya etnik lain, selain etnik mereka sendiri? Sejauh manakah rakyat Malaysia di Semenanjung dan Sabah faham akan budaya etnik penduduk di Sarawak? Dan sejauh mana pula kita di Sarawak sedar dan faham akan budaya etnik di Semenanjung dan Sabah? Adakah kita umpama jiran yang tidak mengenali jiran sebelah-menyebelah? Tidaklah keterlaluan dikatakan, meskipun pelbagai langkah diambil untuk mewujudkan perpaduan dan integrasi, namun ia lebih bersifat *top-down*. Pengalaman saya mengajar kursus Hubungan Etnik di universiti mengesahkan hakikat ini apabila didapati sebahagian besar pelajar dari luar Sarawak tidak pun tahu kewujudan kebanyakan etnik di Sarawak, apatah lagi untuk mengenali budaya mereka. Keadaan sedemikian tentu tidak baik untuk masa depan generasi muda dan negara ini ketika kita sibuk memperkatakan pentingnya gagasan 1Malaysia direalisasikan. Polarisasi kaum dan polarisasi budaya berasaskan etnik tidak harus dibiarkan terus berlaku. Harus dicari jalan berkesan bagi memungkinkan berlakunya komunikasi silang budaya melalui pelbagai pendekatan dan kaedah bagi mengikis segala unsur negatif yang dapat menghambat kesepaduan dan perpaduan sosial. Kita bagai terkurung di dalam kepompong etnik, wilayah atau negeri kita sendiri disebabkan oleh pelbagai faktor segregasi, termasuk tempat tinggal dan sistem persekolahan. Budaya

wujudnya prejudis dan stereotaip, maka berlakulah amalan diskriminasi dalam masyarakat. Rasisme, prejudis dan stereotaip tentu diburukkan lagi dengan adanya elemen segregasi yang mengasingkan atau memisahkan pelbagai kumpulan etnik di negara ini, sebahagiannya berpunca daripada *segregasi de facto*, iaitu kecenderungan kelompok etnik untuk tinggal di kawasan yang sama, menghantar anak ke sistem persekolahan yang sama dan bersembahyang di rumah ibadat yang sama. Untuk itu, kita perlu memupuk dan menggalakkan konsep dan amalan asimilasi, akomodasi, akulturasi dan amalgamasi di negara ini. Asimilasi boleh terjadi apabila berlakunya percantuman kumpulan etnik berlainan budaya sehingga terbentuknya satu kelompok dengan budaya dan identiti yang sama. Manakala akulturasi ialah satu proses penerimaan unsur budaya dalam kalangan individu atau kelompok dari sesuatu kebudayaan lain yang berbeza. Unsur kebudayaan lain diterima dan menjadi sebahagian dalam kebudayaan sendiri. Proses dan amalan akomodasi tentu perlu digalakkan kerana melalui proses tersebut kumpulan etnik akan menyedari dan menghormati nilai dan norma etnik lain, tanpa perlu mengorbankan budaya etnik masing-masing. Dengan itu, pelbagai etnik di negara ini dapat hidup secara aman dan harmoni, serta saling memahami dan menghormati antara satu sama lain. Amalgamasi boleh berlaku melalui amalan perkahwinan campur seperti yang berlaku dengan agak meluas di Sarawak.

Kita perlu membina hubungan baik dan harmonis, serta persefahaman yang mendalam dengan kumpulan etnik yang berbeza yang wujud di negara ini. Dengan memahami dan mengamalkan kelakuan yang sepatutnya, rakyat pelbagai kaum di Malaysia akan dapat menghormati dan mengenal benderungan sensitiviti antara mereka. Perkara dan isu sensitif perlu ditangani dengan bijaksana, kerana jika tidak, ia umpama menjolok sarang tebuan. Kita perlu faham akan perkara yang perlu dielakkan, dan perkara yang perlu diberikan perhatian agar kita dapat mewujudkan keadaan aman dan harmoni dan seterusnya mengukuhkan kesepaduan sosial yang wujud. Van den Berghe (1967) menyenaraikan beberapa ciri masyarakat majmuk, termasuk ketiadaan permuafakatan, kepelbagaian kebudayaan, wujud konflik antara kelompok yang berlainan, wujud autonomi atau kebebasan antara bahagian dalam sistem sosial, wujud paksaan dan saling bergantung dari segi ekonomi sebagai dasar integrasi sosial, dominasi politik oleh satu golongan tertentu,

Untuk sekian lama, politik dan budaya kita ditakrifkan oleh kaum dan parti politik tertentu sehingga menyebabkan sebahagian daripada etnik dan budaya di Sabah dan Sarawak berada di pinggiran, malah tidak diketahui langsung oleh sebahagian besar penduduk di negara ini. Masyarakat minoriti yang dianggap sebagai golongan

budaya bermaksud sesuatu budaya perlu dinilai dalam konteks kelompok masyarakat itu sendiri dan bukannya menggunakan kayu ukur kelompok etnik atau masyarakat lain. Sesuatu yang sesuai bagi sesuatu etnik tidak semestinya sesuai untuk masyarakat lain. Implikasinya, sesuatu etnik tidak boleh memandang rendah, menghina atau memperlekeh budaya etnik lain. Jadi, pemahaman yang mendalam dan menghormati nilai, norma, amalan dan tingkah laku etnik lain amat perlu disemai dan difahami secara mendalam bagi mengelak sebarang prasangka dan konflik. Hanya apabila wujudnya kesedaran sedemikian, barulah budaya etnik dapat dianggap berpotensi untuk menjadi jambatan penghubung dalam masyarakat plural seperti di negara ini, apatah lagi budaya etnik mempunyai nilai integratif untuk menyatukan sesama anggota masyarakat itu, dan juga antara etnik. Misalnya, kegemaran dan kebiasaan terhadap makanan dan pakaian sesuatu etnik boleh membawa masyarakat pelbagai etnik bersama sehingga mengukuhkan kesepaduan sosial.

5. Langkah-Langkah Pemugaran dan Pelestarian

Memenuhi dan memaknakan gagasan 1Malaysia dapat dicapai melalui pelbagai strategi dan pendekatan. Satu daripada strategi dan pendekatan berkesan adalah melalui budaya etnik. Mencapai hasrat gagasan 1Malaysia melalui budaya etnik tentu menuntut pelaksanaan program dan rancangan yang bersepadu dan menyeluruh semua pihak, termasuk oleh agensi dan jabatan kerajaan terbabit. Perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat berbilang kaum akan dapat terjalin melalui ikatan kejiwaan budaya kebangsaan dan budaya etnik. Justeru, peringkat perancangan dan strategi perlu mengarah kepada menumbuhkan nilai-nilai umum budaya dan tradisi etnik dalam bidang budaya benda dan budaya bukan benda meliputi aspek falsafah, pemikiran, ilmu pengetahuan, adat resam, kesenian, bahasa dan sastera etnik.

Usaha perlu dilakukan untuk memulihara, memugar, memperkasa dan melestarikan warisan budaya etnik yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman, dan dari generasi terdahulu ke generasi kini. Program dan rancangan membabitkan budaya etnik harus menjurus kepada usaha menumbuhkan interaksi dan komunikasi silang budaya, melahirkan sikap tolak ansur dan saling menghormati, menyayangi lambang budaya, warisan etnik dan tradisi, yang menjadi faktor pengikat masyarakat pelbagai kaum, ke arah pembinaan keperibadian dan jati diri kebangsaan.

5.1 Festival Kebudayaan Etnik

Satu daripada pendekatan dan cara berkesan untuk melestarikan dan menghidupkan budaya etnik di negeri ini adalah dengan mengadakan Festival Etnik seperti yang

Harian 192,917 naskhah, *Utusan Malaysia* 197,033 naskhah, *Sin Chew Daily* 357,163 naskhah, *The Star* 308,080 naskhah (Malaysia Press and PR Guide 2009). Akhbar di Sabah dan Sarawak perlu terus menonjolkan dan menyiarkan budaya etnik dengan membuat penyelidikan yang sepatutnya.

Dengan itu, tidaklah lagi kita tidak mengenali kaum lain sehingga timbulnya prejudis dan stereotaip. Majalah termasuk *Dewan Budaya* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka perlu menyiarkan lebih banyak isu budaya etnik secara tekal setiap bulan. Rencana berkenaan kemudiannya perlu diterbitkan dalam bentuk buku untuk memudahkan rujukan. Selain itu, sesuai dengan perkembangan teknologi, satu lagi saluran yang dapat digunakan untuk memperkenalkan, melestarikan dan mempromosikan budaya etnik adalah dengan menyiarkan tulisan melalui Wikipedia.

5.4 Bicarawara dan Ceramah Budaya Etnik

Selain mengadakan bicarawara tentang politik dan isu semasa, TV1, stesen radio RTM dan stesen-stesen TV dan radio lain perlu mengadakan bicarawara berkaitan dengan etnik dan budaya etnik di negara ini. Melalui bicarawara berkenaan, pihak RTM boleh mengundang ahli akademik, pengamal dan pakar berkaitan ke studio. Secara tidak langsung, langkah berkenaan akan dapat memperkenalkan budaya etnik kepada rakyat pelbagai kaum di negara ini. Sudah tiba waktunya kita membuka ruang dialog dan wacana tentang makna bangsa dan budaya etnik Malaysia. Kita tidak boleh terlalu inklusif dengan hanya menonjolkan budaya Cina, Melayu dan India, tetapi perlu juga menonjolkan budaya etnik masyarakat di Sabah dan Sarawak.

Untuk beberapa waktu hingga kini, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan sesi ceramah budaya pelbagai etnik di negeri ini. Melalui sesi ceramah berkenaan pakar, pengamal budaya, penyelidik dan ahli akademik diundang untuk menyampaikan pandangan dan pengalaman mereka kepada khalayak daripada pelbagai etnik. Ini merupakan satu pendekatan berkesan untuk mewujudkan pemahaman dan penghayatan budaya sesuatu etnik dalam kalangan etnik lain.

5.5 Mempregiat usaha mendokumentasi cerita rakyat

Pelbagai agensi berkaitan seperti DBP dan Majlis Adat Istiadat Sarawak perlu terus menjalankan kegiatan merakamkan dan mendokumentasikan cerita rakyat pelbagai suku kaum di negeri ini. Peranan yang dimainkan oleh DBP Cawangan Sarawak dalam merakamkan cerita rakyat pelbagai etnik patut dipuji. Sebahagian daripada cerita rakyat tersebut telah pun dibukukan seperti dalam buku *Balang Lipang dan Busak*

suku kaum di Sabah dan Sarawak dapat dimanfaatkan dalam iklan. Melalui iklan yang menerapkan budaya dan budaya Iban itu, rakyat lain di Malaysia bukan sahaja faham akan bagaimana rupa masyarakat Iban, tetapi juga dapat mendengar bahasa itu dituturkan. Sebelum ini mereka hanya tahu tentang amalan *ngayap* dan *ngayau* yang pernah diamalkan etnik berkenaan, selain daripada mengetahui bahawa orang Iban tinggal di rumah panjang.

5.8 Satu Malaysia melalui perayaan dan budaya

Contoh terbaik produk budaya diangkat menjadi produk pelancongan adalah kaul dalam masyarakat Melanau. Kaul yang telah diamalkan sejak ratusan tahun lalu, dijenamakan semula, sesuai dengan perubahan zaman. Kini, sesuai dengan gagasan 1Malaysia, kaul bukan sahaja diraikan masyarakat Melanau, tetapi juga etnik lain di Sarawak. Kaul menjadi wadah terbaik sebagai upacara terbesar dalam masyarakat Melanau untuk menyatupadukan masyarakat berkenaan dan juga menyatupadukan masyarakat itu dengan etnik lain di negara ini. Malah, kaul berjaya diangkat menjadi produk pelancongan dengan pemasaran yang berkesan, menggunakan teknologi moden oleh pihak Lembaga Pelancongan Sarawak. Tentu banyak lagi upacara tradisi membabitkan pelbagai kaum di seluruh negara dapat dijadikan sebagai produk pelancongan, sebagaimana amalan kavadi di dalam masyarakat India menjadi popular dalam kalangan pelancong luar negara. Yang penting, seperti kaul, upacara berkenaan perlu dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan dan tarikh tertentu ditetapkan bagi memudahkan para pelancong menyaksikannya. Bukankah upacara makan tahun dalam kalangan etnik Kedayan misalnya, sesuai juga dijadikan produk pelancongan?

Sesungguhnya, usaha telah dilakukan untuk meraikan perayaan etnik ke peringkat negeri dan nasional. Misalnya, perayaan Gawai Dayak dan Tadau Keamatan pernah disambut dan diraikan di peringkat nasional. Perayaan sedemikian tentu dapat memperkenalkan budaya etnik kepada rakyat pelbagai etnik di Semenanjung. Dalam pada itu, sambutan 18 jenis perayaan keagamaan pelbagai suku kaum di negara ini tentu dapat dimanfaatkan untuk mengisi dan memaknakan gagasan 1Malaysia. Kelompok etnik yang mewarisi perayaan itu daripada nenek moyang mereka menjadikan perayaan itu sebagai tali pengikat sesama anggota etnik itu, dan kini turut disambut oleh etnik lain. Tidak menjadi masalah kepada etnik lain untuk sama-sama meraikannya seperti yang berlaku ketika perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina atau Deepavali. Dalam perayaan tersebut kita dapat menyaksikan pelbagai jenis hidangan yang mencerminkan kepelbagaian etnik. Masyarakat Cina yang meraikan

Embi, Jais Sahok, Abang Patdeli Abang Muhi, Douglas Jaga, Jaya Ramba, Mohamad Faizal Jamil, Abang Median Abang Said dan beberapa orang lagi memuatkan unsur budaya etnik ke dalam karya mereka. Jong Chian Lai, umpamanya telah mengangkat budaya Iban dalam novel *Pindah* dan *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*, serta persoalan dan budaya Penan dalam *Suara Dari Rimba*. Jali Kenoi pula mengangkat persoalan dan budaya berkaitan dengan masyarakat Melanau dalam novel *Mesap*. Karya berkenaan berupaya menimbulkan warna tempatan – *local colour* – dan menyampaikan elemen budaya, pemikiran dan nilai etnik terbabit. Elemen warna tempatan itu turut dapat diperkukuh melalui pelbagai istilah dan kosa kata khusus yang digunakan oleh etnik terbabit khususnya melibatkan kegiatan sosiobudaya, persekitaran hidup dan kehidupan etnik berkenaan.

Kedit (1978) mengakui bahawa bahasa Iban, umpamanya memiliki kekayaan dari segi kosa kata, sekali gus mencerminkan corak dan gaya kehidupan mereka. Beliau memberi contoh, terdapat banyak perkataan untuk buluh, seperti *buloh, munti, aur, payan, betong* dan sebagainya. Selain itu, Kedit menjelaskan, bagi kawasan satu kaki persegi sawah padi, terdapat tidak kurang daripada 10 jenis rumput-rumpai dapat dikenal pasti, dan terdapat banyak nama untuk ayam. Asmah Haji Omar (1974) menyatakan bahawa sastera Iban memiliki begitu banyak ekspresi kognitif, simpulan bahasa, kata dan istilah budaya, ungkapan serta imej dan lambang yang boleh dipinjam, diterjemah dan ditafsirkan bagi memperkaya ekspresi. Langkah yang lebih terancang perlu diambil untuk mencungkil dan menggalakkan bakat daripada penulis daripada etnik minoriti lain seperti Sihan, Lahanan, Kejaman, Penan, Kayan, Kenyah dan Lara untuk memperkaya dunia sastera kebangsaan kita. Yang menarik, penulis Melayu dari Semenanjung telah juga mencuba untuk menggarap budaya etnik ke dalam cerpen dan novel mereka seperti yang dilakukan oleh Abd.LatipTalib melalui novel dan cerpen “Randau Ruai”.

5.11 Mendokumentasikan dan menggalakkan penghasilan karya etnik

Sastera etnik dalam pelbagai suku kaum perlu segera didokumentasi secara sistematik. Sastera etnik dalam bentuk lisan seperti cerita rakyat sebahagiannya telah pun dirakamkan, di terjemah dan diterbitkan oleh pihak DBP Sarawak. Saya percaya masih banyak lagi cerita rakyat pelbagai suku kaum yang perlu dicungkil. Langkah ini tentu berguna dalam usaha kita untuk menyebarkan falsafah, kepercayaan dan nilai masyarakat etnik terbabit kepada masyarakat Malaysia yang lebih luas. Usaha diambil untuk merobohkan tembok etnik yang mengasingkan dan memisahkan rakyat. Tradisi

Kadir Mohd. Yunus (2010) menjelaskan bahawa lagu-lagu berkenaan mempunyai seni kata dan irama yang tersendiri.

5.12 Rakamkan dan dokumentasikan bahasa etnik

Bahasa sebahagian daripada etnik di negara ini berdepan dengan kemungkinan pupus. Malah, kadar kepupusan sesetengah bahasa daripada sekitar 7,000 bahasa di dunia adalah begitu pantas. Sebenarnya, sudah ada bahasa etnik di negara ini pupus, misalnya bahasa Segalang di Sarawak. Bagaimanakah agaknya masa depan bahasa etnik kaum minoriti seperti Sihan dan Kajaman? Sebelum bahasa etnik pupus, langkah segera perlu diambil untuk merakamkan dan mendokumentasikan bahasa terbabit. Langkah memperkenalkan bahasa Iban di sebahagian sekolah di Sarawak merupakan langkah konkrit ke arah mempopularkan bahasa itu. Selain bahasa Melayu Sarawak, bahasa Iban boleh dianggap sebagai *lingua franca* penduduk di Sarawak.

Usaha yang dilakukan oleh DBP lebih 20 tahun lalu untuk menerbitkan buku mengandungi 50 kosa kata dan istilah tertentu daripada bahasa etnik Sabah dan Sarawak memang perlu diteruskan. Namun, tentu akan lebih menarik dan berkesan jika kosa kata berkenaan digunakan dengan meluas dalam media massa kita. Projek yang bertujuan untuk memperkaya bahasa Malaysia itu akan mendatangkan kesan yang lebih baik jika semua pihak, terutamanya wartawan dan editor membantu untuk menggunakan kosa kata dan istilah berkenaan dalam tulisan mereka. Bagaimanapun, didapati istilah yang dikumpulkan itu telah tidak digunakan dengan meluas dan intensif termasuk oleh media massa di Sarawak. Penulis dan wartawan kelihatan lebih tertarik untuk menyerapkan dan menggunakan kosa kata bahasa Inggeris dalam tulisan mereka. Sudah pasti rasa cinta dan bangga yang lebih mendalam dan kental akan dirasai oleh pelbagai etnik di negara ini jika bahasa kebangsaan turut menyerapkan atau meminjam kosa kata daripada bahasa etnik. Bukankah ini merupakan satu daripada sekian banyak langkah berkesan untuk memperkasa, memugar dan melestarikan bahasa dan budaya etnik?

5.13 Menyemaikan dan mempromosikan nilai murni

Dalam masyarakat Penan terdapat satu amalan yang dikenali sebagai *molong* dan sebahagian masyarakat di Sabah dan Sarawak turut mengamalkan budaya *tagal*. Dalam masyarakat Penan, *sihun* atau mementingkan diri sendiri dianggap sebagai kesalahan paling serius yang dilakukan anggota masyarakat. Bagi masyarakat Penan, sejak kecil lagi kanak-kanak dididik supaya mengongsi sesuatu yang dimiliki. Berkongsi

1Malaysia.

5.15 Menerapkan budaya etnik untuk bangunan

Mereka yang terbabit dalam mereka bentuk bangunan perlu mengambil kira elemen budaya etnik dalam bangunan yang dibina. Persatuan Akitek Malaysia dan Persatuan Jurutera Malaysia perlu mempromosi budaya etnik ketika mereka bentuk bangunan atau projek yang hendak dilaksanakan. Memang di Sarawak kita sudah mengambil kira elemen *baruk* daripada bangunan tradisi etnik Bidayuh dan *terendak* daripada budaya benda etnik Melanau untuk bangunan tertentu di negeri ini. Bagaimana budaya masyarakat Thailand diterapkan dalam bangunan moden lapangan terbang di Bangkok dan bagaimana unsur budaya masyarakat pelbagai kaum diterapkan di bangunan Lapangan Terbang Sukarno-Hatta adalah sesuatu yang menarik diambil kira. Adakah elemen budaya etnik diambil kira ketika kita membina bangunan di lapangan terbang kita di negara ini? Hakikatnya, kita masih kurang meletakkan keutamaan kepada reka bentuk dan hiasan dalaman berasaskan tradisi dan budaya etnik sendiri ketika membina kompleks beli-belah dan bangunan di kota dan bandar kita.

6. Kesimpulan

1Malaysia mempunyai tujuan murni untuk mencapai perpaduan sosial dan integrasi nasional demi kestabilan sosial dan politik. Hubungan sosial dan politik dengan ekonomi adalah simbiotik sifatnya. Bagi memungkinkan kita mencapai kemajuan dan kemakmuran ekonomi, kestabilan politik dan sosial merupakan prasyarat penting. Sebaliknya, jika tidak terdapat kemajuan dan kemakmuran ekonomi, kemungkinan keadaan sosial dan politik akan tergugat. Dalam masyarakat pelbagai etnik di negara ini, selain mengutamakan kebudayaan dan bahasa kebangsaan, budaya dan bahasa etnik memang tidak disekat. Malah, budaya etnik mempunyai tempatnya tersendiri dalam usaha kita mencapai perpaduan. Pluraliti budaya dan bahasa sebagai satu realiti masyarakat majmuk tidak harus sampai menghambat perpaduan sosial dan integrasi nasional. Yang penting, masyarakat pelbagai kaum perlu saling menghormati dan mengakui realiti budaya etnik lain yang wujud di sekitar mereka. Ketidakhahaman tentang budaya etnik dan kaum lain boleh menimbulkan masalah jika terus dibiarkan. Sudah sewajarnya setiap kumpulan etnik di negara ini saling sedar dan faham akan budaya etnik lain.

Jadi, komunikasi silang budaya perlu dipupuk. Pemahaman tentang budaya etnik lain akan dapat mengikis segala sikap negatif seperti prejudis, rasisme dan stereotaip terhadap etnik lain. Sikap berkenaan dapat dianggap sebagai jerangkap

Rujukan

- A.Aziz Deraman. 2005. *Intelektualisme Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asma Abdullah. 2007. *Ke Arah Glokal: Dimensi Budaya Dalam Pengurusan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan negara Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1974. Peranan bahasa Iban dalam pembinaan kesusasteraan Malaysia. *Kertas Kerja Hari Sastera 1974*. Kuching. Bernama, 4 Disember 2010.
- Hofstede, G. 1991. Managing in a Multicultural Society. *Malaysian Management Review*. Jld. 26. No.1. Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya. Pearson.
- Jeniri Amir. 2004. Sastera dan penulisan Borneo: Satu kemungkinan. Dlm.Hamzah Hamdani & Azizah Ahmad (eds.). *Satu Kemungkinan*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jencks,C.1993. *Culture*. London: Routledge.
- Kedit, Peter. 1978. The role of indigenous literature in the development of national literature of Asean nations. Dlm. *Persidangan Penulis Asean 1977*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysian Press and PR Guide*. 2009. Kuala Lumpur: Perception Media.
- Mohd. Shukri Mohd. Ariff. 2010. Sistem tagal: Bersahabat dengan alam. *Dewan Masyarakat*. Jun.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam; UPENA. Utusan Malaysia, 2 Disember 2010.
- Van den Berghe, P.L. 1967. *Race and Racism: A Comparative Perspective*. New York: John Wiley.

